

22/08/2003

Jalur Gemilang sekadar lambang

Prof Madya Ahmad Faisal Alias

SEMPENA sambutan Bulan Kemerdekaan, saya memasang Jalur Gemilang pada pagar rumah saya. Namun, semangat kemerdekaan saya sedikit tercemar apabila bendera saya dan beberapa jiran telah dicuri pada petang Sabtu lalu.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu dipercayai dilakukan sekumpulan remaja bermotosikal atau kanak-kanak yang sering merayau-rayau di kawasan taman perumahan kami.

Saya dimaklumkan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga terpaksa berhadapan dengan masalah kecurian Jalur Gemilang yang dipasang di sekitar kawasan mereka setiap kali tiba sambutan Bulan Kemerdekaan atau perayaan lain.

Di sini timbul persoalan adakah remaja terbabit mengerti makna sebenar kemerdekaan dan Jalur Gemilang sebagai simbol kedaulatan negara? Dalam kehairahan mereka menyambut Bulan Kemerdekaan, mereka sanggup mencuri bendera yang dipasang mungkin kerana hendak menunjukkan semangat mereka menyambut kemerdekaan.

Dalam banyak keadaan, remaja ini hanya mengerti bahawa setiap 31 Ogos adalah hari cuti umum dan akan diadakan perbarisan, tetapi tidak menyedari apa ertinya hari yang penuh signifikan itu. Apa yang penting bagi mereka adalah mencari keseronokan dan hiburan semata-mata.

Mungkin mereka tidak mengetahui atau tidak diberitahu mengenai perjuangan dan pengorbanan generasi sebelum ini dalam memperjuangkan kemerdekaan dan bagaimana pula hendak mengisi kemerdekaan itu.

Oleh itu, perlu diingatkan bahawa banyak negara lain, terutama di Afrika yang mencapai kemerdekaan lebih dulu atau sama dengan kita, tetapi apa yang memisahkan kita dengan mereka adalah pengisian kemerdekaan itu.

Masih banyak di antara mereka terpaksa bergantung kepada negara bekas penjajah atau memerlukan bantuan dari Bank Dunia, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) atau agensi bantuan antarabangsa lain, khususnya dari negara Barat sehingga tergadai nilai kemerdekaan yang mereka kecapai.

Sekarang mereka memandang tinggi kepada kejayaan negara kita. Mereka menghormati pemimpin kita, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mendapatkan nasihat serta idea pembangunan dari kita melalui perkongsian pintar Selatan-Selatan.

Bagaimanapun, kes kecurian Jalur Gemilang itu tidak sekali-kali melemahkan semangat saya untuk terus mengibarkan bendera kebanggaan itu di pekarangan rumah saya. Pada saya, Jalur Gemilang hanya sekadar lambang, tetapi makna kemerdekaan sebenar ialah kedewasaan dan kematangan kita dalam menghadapi cabaran semasa.

PROF MADYA AHMAD FAISAL ALIAS,
Bandar Seri Iskandar, Perak.